

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah justifikasi pelantikan ahli pengarah badan berkanun dan GLC yang bersifat politik secara meleluasa di bawah pemerintahan PN. Senaraikan nama-nama lantikan daripada ahli-ahli parti politik dan skim gaji mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, ahli politik dalam syarikat-syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] adalah dilantik berdasarkan kepada kemampuan serta kepakaran masing-masing dan mengambil kira keperluan syarikat itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah syarikat berkenaan beroperasi pada tahap yang optimum. Pelantikan Lembaga Pengarah syarikat MKD disuaipadankan berdasarkan keperluan setiap syarikat MKD dengan mengambil kira latar belakang dan kebolehan seseorang individu daripada pelbagai sudut bagi menganggotai Lembaga Pengarah syarikat MKD.

Justeru itu, ahli politik yang berkelayakan atau memenuhi kriteria *fit and proper* sahaja yang dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat MKD. Ini adalah salah satu cara untuk meningkatkan keupayaan barisan kepimpinan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) syarikat MKD dengan memperluaskan serta mempelbagaikan lagi komposisi ahli-ahlinya daripada segi kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan adalah penting bagi memastikan *the right person with the right skills* (dengan izin) dipilih bagi memantapkan struktur Lembaga Pengarah syarikat. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek-aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Pelantikan Ahli Politik adalah sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang mana akan membataskan kuasa di antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan selaras dengan MCCG 2017 dan sebagai mekanisma semak dan imbang (*check and balance*) agar selari dengan dasar dan aspirasi Kerajaan. Lantikan politik dijangka dapat mengimbangi kehendak korporat yang lebih cenderung berorientasikan keuntungan di samping memenuhi ekspektasi rakyat.

Sehingga Julai 2020, seramai 15 orang ahli politik telah dilantik sebagai Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]. Manakala bagi 15 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) di bawah seliaan Kementerian Kewangan, hanya dua (2) lantikan politik telah dibuat. Senarai penuh ahli politik tersebut adalah seperti berikut:

Syarikat-Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]

Bil.	Nama	Bil.	Jawatan Dalam Lembaga	Syarikat
1.	YAB Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin	1.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Khazanah Nasional Berhad
		2.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Yayasan Pelaburan Bumiputera
2.	YB ACP (B) Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor	3.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Amanah Raya Berhad
3.	YB Dato' Hasbullah bin Osman	4.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Syarikat Perumahan Negara Berhad
4.	YB Dato' Jalaluddin bin Alias	5.	Pengerusi Bukan Eksekutif	UDA Holdings Berhad
5.	YB Dato' Seri Diraja Mahdzir bin Khalid	6.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Tenaga Nasional Berhad
6.	YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali	7.	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	Khazanah Nasional Berhad
7.		8.	Pemegang Amanah	Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera

NO SOALAN : 47

8.	YB Dato' Sri Hassan bin Arifin	9.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Pengurusan Aset Air Berhad
9.	YB Dato' Sri Hjh Rohani binti Abdul Karim	10.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Padiberas Nasional Berhad
10.	YB Dato Sri Tajuddin bin Abdul Rahman	11.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Prasarana Malaysia Berhad
11.	YB Datuk Musa bin Sheikh Fadzir	12.	Pengerusi Bukan Eksekutif	JKP Sdn Bhd
12.	YB Datuk Zakaria bin Mohd Edris @ Tubau	13.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Perbadanan Nasional Berhad
13.	YB Tuan Haji Ahmad Johnie bin Haji Zawawi	14.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Indah Water Konsortium Sdn Bhd
14.	Tuan Mohamad bin Husain	15.	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	FELCRA Berhad
15.	YB Ustaz Sabri bin Hj Azit	16.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad
16.	YB Tan Sri Noh bin Hj Omar	17.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad

Badan Berkanun Persekutuan Di Bawah Kementerian Kewangan

Bil.	Nama	Bil.	Jawatan Dalam Lembaga	Badan Berkanun
1.	YAB Tuan Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor	1.	Pengerusi Bersama Jemaah Pengarah	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
2.	YB Tuan Juhari bin Bulat			

Secara prinsipnya, kadar elaun dan insentif yang layak bagi Pengerusi syarikat MKD adalah berbeza-beza mengikut kemampuan kewangan syarikat masing-masing. Jumlah imbuhan dan ganjaran yang dibayar boleh diperolehi daripada penyata kewangan beraudit syarikat yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Manakala bagi Badan Berkanun Persekutuan, kadar elaun tertakluk kepada perakuan Lembaga Pengarah BBP masing-masing dan kelulusan Menteri Pengawal.

Sekian, terima kasih.